



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI MENERUSI REMACS 4.0

Oleh:
Dr. Nur Izzati Khairudin

ARAU, 21 JULAI 2022 – Research Exhibition in Mathematics & Computer Science 4.0 (REMACS 4.0) telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM) bersama Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A), UiTM Cawangan Perlis dan rakan strategik Uniutama Solutions Sdn. Bhd di Dewan Seri Semarak, UiTM Cawangan Perlis hari ini.

Seramai 89 orang pelajar tahun akhir telah menyertai program ini. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada 4 program FSKM iaitu CS240 Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian), CS245 Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Komunikasi Data dan Perangkaian, CS251 Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Pengkomputeran Netsentrik dan CS248 Sarjana Muda Sains (Kepujian) Matematik Pengurusan.

Objektif utama REMACS 4.0 adalah untuk memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah penyelia menonjolkan hasil kajian ilmiah di dalam bidang sains komputer dan matematik. Di samping dapat memberikan pengalaman kepada pelajar menyertai pameran kajian ilmiah di peringkat universiti, pameran ini juga dapat menjadi satu

platform bagi pelajar dan pensyarah penyelia mengkomersilkan idea dan produk mereka kepada pihak luar.

Sepanjang pameran ini berlangsung, penilaian markah terhadap kajian ilmiah yang dilaksanakan oleh pelajar telah dilakukan. Penilaian dibuat berdasarkan Video Pitching dan Poster bagi program CS240, CS245, CS251 dan CS248. Tiga orang pelajar yang memiliki markah tertinggi bagi setiap program telah menerima Anugerah Video Pitching terbaik dan Anugerah Poster Terbaik. Selain itu, Anugerah Projek Terbaik juga diberikan oleh Uniutama Solutions Sdn. Bhd kepada projek pelajar yang mendapat markah tertinggi dari setiap program. Anugerah Khas Rektor iaitu piala pusingan juga telah disediakan bagi sebuah projek terbaik secara keseluruhan di antara keempat-empat program yang menyertai pameran ini.

Diharapkan REMACS 4.0 dapat menjadi medan dalam memperkenalkan asas penyelidikan kepada pelajar dan seterusnya, dapat memupuk minat penyelidikan serta menaikkan semangat pelajar-pelajar yang menghadapi projek tahun akhir dengan baik.

